



# LAPORAN SURVEI KHAS KESAN COVID-19 KEPADА EKONOMI DAN INDIVIDU (PUSINGAN 1)

## SOROTAN SURVEI

- 1 Laporan ini menyediakan **ringkasan penemuan Survei Khas Kesan Covid-19 kepada Ekonomi dan Individu (Pusingan 1)** yang telah dilaksanakan **secara atas talian** oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi **tempoh 23 – 31 Mac 2020**.
- 2 Survei ini mengandungi 3 modul dan 21 soalan.
- 3 Seramai **168,182 responden** yang **berumur 15 tahun dan ke atas** telah menyertai survei ini.
- 4 Analisis yang dibentangkan adalah berdasarkan maklum balas responden yang telah menyertai survei ini, meliputi **pandangan individu secara kualitatif** mengenai **ekonomi, pekerjaan dan pola perbelanjaan**.

## PENAFIAN (DISCLAIMER)

Analisis yang dipaparkan adalah berdasarkan kepada responden yang menyertai Survei ini dan tidak mewakili pandangan seluruh rakyat Malaysia. Ia harus ditafsir secara berhati-hati bagi menilai kesan Covid-19 di Malaysia dan ia bukanlah statistik rasmi. Namun, ia boleh digunakan untuk menyokong dalam memberi gambaran tentang situasi semasa. DOSM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang implikasi daripada penggunaan statistik ini.



**BANCIS 2020**  
PENDUDUK & PERUMAHAN  
**MALAYSIA 2020**  
DATA ANDA MASA DEPAN KITA  
7 JULAI 2020



[www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)



[www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my)



## SURVEI KHAS KESAN COVID-19 KEPADA EKONOMI DAN INDIVIDU (PUSINGAN 1)


- Dilaksanakan oleh DOSM secara atas talian pada 18 Mac – 31 Mac 2020
- Mengandungi 21 soalan meliputi modul umum, modul pekerjaan dan modul perbelanjaan
- 168,182 responden meliputi seluruh Malaysia
- Pekerja kerajaan dikecualikan daripada analisis

### KESAN COVID-19 TERHADAP EKONOMI & INDIVIDU

#### 1. Tempoh Simpanan Kewangan

- Lebih daripada dua per tiga (71.4%) daripada responden yang **bekerja sendiri** mempunyai **simpanan** yang hanya **mencukupi kurang daripada 1 bulan** sahaja.
- 77.2 peratus majikan dan 82.7 peratus pekerja swasta pula mempunyai simpanan kewangan yang mencukupi sehingga 2 bulan.
- Manakala 78.9 peratus pekerja GLC dan 75.2 peratus pekerja MNC mempunyai simpanan kewangan yang mencukupi sehingga 4 bulan.


**Rajah 1: Tempoh simpanan kewangan mengikut taraf pekerjaan**



## 2. Tempoh Bekerja Mempengaruhi Simpanan Kewangan

- Didapati sebanyak 69.7 peratus yang telah **bekerja dalam tempoh kurang daripada 1 tahun** dan **63.2 peratus yang bekerja dalam tempoh 1-3 tahun**, masing-masing **simpanan kewangannya hanya bertahan kurang daripada 1 bulan**.
- 25.4 peratus yang bekerja 4-10 tahun dan 27.5 peratus yang bekerja 11-20 tahun pula mempunyai simpanan yang mencukupi sehingga 2 bulan.
- Manakala 11.4 peratus yang bekerja 21-30 tahun dan 11.7 peratus yang bekerja lebih daripada 30 tahun mempunyai simpanan kewangan yang mencukupi sehingga 4 bulan.


**Rajah 2: Tempoh simpanan kewangan mengikut taraf pekerjaan dan tempoh bekerja**



### **3. Kesiapsiagaan Kewangan Sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan dilanjutkan**

- Majoriti pekerja tidak bersedia sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan dilanjutkan kecuali pekerja di GLC dan MNC.


**Rajah 3: Kesiapsiagaan kewangan sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan dilanjutkan**



#### **4. Tahu akan Kerajaan Telah Menyediakan Bantuan Kewangan Kepada Pekerja Cuti Tanpa Gaji**

- Secara keseluruhan, **84.4 peratus pekerja tahu bahawa Kerajaan telah menyediakan bantuan kewangan kepada pekerja yang terpaksa mengambil cuti tanpa gaji susulan penularan wabak COVID-19.**


**Rajah 4: Tahu Kerajaan telah menyediakan bantuan kewangan kepada pekerja cuti tanpa gaji**



**5. Kesediaan Menghadapi Perintah Kawalan Pergerakan Sepenuhnya (*Total Lockdown*) dengan Punca Kewangan Sedia Ada**

- Hanya Pekerja MNC dan pekerja GLC lebih bersedia dari segi kewangan sekiranya *Total Lockdown* dilaksanakan masing-masing 74.9 peratus dan 73.5 peratus.


**Rajah 5: Kesiapsiagaan kewangan sekiranya Perintah Kawalan pergerakan sepenuhnya (*Total Lockdown*)**



## 6. Impak Kewangan Dalam Menghadapi Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan

- Didapati hanya **6.2 peratus** responden kurang terkesan dari segi kewangan dalam menghadapi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan manakala **52.6 peratus** responden menyatakan sangat terkesan dalam tempoh ini.
- Antara **negeri** yang **sangat terkesan** dalam menghadapi tempoh PKP adalah **Sabah (66.7%)**, diikuti oleh **Kelantan (65.5%)** dan **Perlis (64.0%)**.

**Rajah 6: Impak Kewangan dalam menghadapi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan**



## 7. Kesan Penularan COVID-19 Mengikut Taraf Pekerjaan

- Didapati **46.6 peratus pekerja yang bekerja sendiri kehilangan pekerjaan**

Jadual 1: Kesan penularan COVID-19 mengikut taraf pekerjaan

Taraf Pekerjaan	Kesan Terhadap Penularan Covid-19 (%)						
	Bekerja dari rumah	Cuti separuh gaji	Cuti tanpa gaji	Hilang pekerjaan	Jumlah jam bekerja berkurangan	Jumlah jam bekerja bertambah	Tiada impak
Bekerja Sendiri	25.1	0.9	9.2	46.6	13.8	0.6	3.8
Majikan	30.9	3.8	14.5	23.8	22.2	1.4	3.3
Pekerja Government Link Companies (GLC)	73.7	0.6	1.1	0.4	14.7	1.4	8.2
Pekerja Swasta	48.9	7.0	13.2	1.8	17.5	1.8	9.8
Pekerja Syarikat Multinasional (MNC)	80.8	0.9	2.0	0.4	7.2	2.1	6.6

## 8. Kesan Penularan COVID-19 Mengikut Industri

- Sektor Pertanian dan Perkhidmatan** didapati mencatatkan peratusan kehilangan pekerjaan yang lebih tinggi berbanding sektor lain, masing-masing 21.9 peratus dan 15.0 peratus.
- Di kalangan sektor Pertanian, pekerja di **sub sektor perikanan dan pertanian & perladangan** masing-masing kehilangan pekerjaan sebanyak 33.0 peratus dan 21.1 peratus.
- Bagi sektor perkhidmatan, pekerja di sub sektor Perkhidmatan Makanan & Minuman kehilangan pekerjaan sebanyak 35.4 peratus diikuti sub sektor pengangkutan & penyimpanan, 18.7 peratus.

**Jadual 2: Kesan penularan COVID-19 mengikut industri**


Industri	Bekerja dari rumah	Cuti separuh gaji	Kesan Penularan Covid-19 (%)			Jumlah jam bekerja berkurangan	Jumlah jam bekerja bertambah	Tiada impak
			Cuti tanpa gaji	Hilang pekerjaan	Jumlah jam bekerja berkurangan			
<b>Pertanian</b>	<b>21.9</b>	<b>1.2</b>	<b>6.7</b>	<b>21.9</b>	<b>33.3</b>	<b>1.3</b>	<b>13.7</b>	
Pertanian dan perladangan	23.5	1.1	5.9	21.1	33.7	1.2	13.6	
<b>Penternakan</b>	<b>12.9</b>	<b>3.0</b>	<b>10.9</b>	<b>19.8</b>	<b>29.7</b>	<b>2.0</b>	<b>21.8</b>	
Perhutanan dan pembalakan	23.5	5.9	17.6	11.8	29.4	5.9	5.9	
<b>Perikanan</b>	<b>13.9</b>	<b>0.9</b>	<b>8.7</b>	<b>33.0</b>	<b>33.0</b>	<b>1.7</b>	<b>8.7</b>	
<b>Industri</b>	<b>51.4</b>	<b>8.1</b>	<b>13.5</b>	<b>6.7</b>	<b>12.8</b>	<b>1.1</b>	<b>6.5</b>	
Perlombongan dan pengkuarian	69.8	1.2	9.3	6.8	7.4	2.5	3.1	
Pembuatan	47.6	10.6	15.0	4.2	13.9	1.0	7.5	
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	54.7	4.7	7.2	5.3	17.1	1.5	9.5	
Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	48.0	5.5	9.8	5.5	23.0	0.8	7.4	
Pembinaan	54.9	6.6	15.6	11.8	7.4	0.8	3.0	
<b>Perkhidmatan</b>	<b>44.8</b>	<b>3.8</b>	<b>10.6</b>	<b>15.0</b>	<b>16.9</b>	<b>1.5</b>	<b>7.4</b>	
Perdagangan Borong dan Runcit, pemberian kenderaan bermotor dan motosikal	26.0	6.5	15.2	14.3	27.0	1.4	9.7	
	25.9	3.9	10.2	18.7	30.3	2.4	8.5	
<b>Pengangkutan dan penyimpanan</b>								
Penginapan	21.8	8.6	22.2	14.6	21.2	2.7	9.0	
Perkhidmatan makanan dan minuman	17.0	3.2	19.1	35.4	18.8	1.3	5.1	

Industri	Bekerja dari rumah	Cuti separuh gaji	Kesan Penularan Covid-19 (%)			Jumlah jam bekerja bertambah	Tiada impak
			Cuti tanpa gaji	Hilang pekerjaan	Jumlah jam bekerja berkurangan		
Maklumat dan Komunikasi	70.7	1.7	4.3	4.4	7.5	2.2	9.1
Kewangan dan Insurans/ takaful	59.2	1.0	3.1	4.4	23.4	1.5	7.4
Hartanah	61.0	3.4	7.9	13.0	11.1	0.7	2.9
Profesional, saintifik dan teknikal	67.9	3.0	5.3	3.9	12.8	1.0	6.1
Pentadbiran dan khidmat sokongan	63.0	2.5	6.1	4.5	15.8	1.1	7.0
Pendidikan	59.2	5.8	11.7	11.2	6.9	1.2	4.0
Kesihatan, kemanusiaan dan kerja sosial	30.3	3.0	9.7	9.7	23.5	4.4	19.4
Kesenian, hiburan dan rekreasi	34.1	4.5	11.7	38.0	7.0	0.7	3.9
Perkhidmatan lain	41.8	5.2	12.7	18.0	15.0	0.8	6.4

## 9. Kesan Penularan COVID-19 Terhadap Pendapatan

- Hampir semua pekerja yang **bekerja sendiri**, **94.8** peratus melaporkan mengalami **pengurangan pendapatan bulanan**.
- Walau bagaimanapun, pendapatan bagi pekerja Government Link Companies (GLC) dan Syarikat Multinasional (MNC) kurang terjejas, iaitu masing-masing melaporkan 84.1 peratus dan 85.2 peratus pendapatan bulanan adalah seperti biasa.

**Rajah 7: Kesan penularan COVID-19 terhadap pendapatan mengikut taraf pekerjaan**



## 10. Kesan Penularan COVID-19 Terhadap Industri Mengikut Penerimaan Perubahan Pendapatan

- Di kalangan pekerja dalam sektor pertanian, sub sektor perikanan merekodkan 79.1 peratus daripada responden mengalami pengurangan pendapatan manakala 20.9 peratus melaporkan tiada perubahan pendapatan.
- Bagi sub sektor perkhidmatan, pengurangan pendapatan di kalangan Pekerja di sub sektor Perkhidmatan makanan & minuman sebanyak 85.9 peratus. Hanya 13.5 peratus melaporkan tiada perubahan pendapatan.

**Jadual 3: Kesan penularan COVID-19 terhadap industri mengikut penerimaan perubahan pendapatan**

Aktiviti Utama	Perubahan Pendapatan Penularan COVID-19 (%)		
	Mengalami pengurangan pendapatan bulanan	Menerima pendapatan seperti biasa	Mengalami pertambahan pendapatan bulanan
<b>Pertanian</b>	<b>70.0</b>	<b>29.5</b>	<b>0.5</b>
<b>Pertanian dan perladangan</b>	69.1	30.5	0.4
<b>Penternakan</b>	72.3	25.7	2.0
<b>Perhutanan dan pembalakan</b>	52.9	47.1	0.0
<b>Perikanan</b>	79.1	20.9	0.0
<b>Industri</b>	<b>46.7</b>	<b>52.9</b>	<b>0.3</b>
<b>Perlombongan dan pengkuarian</b>	27.2	72.8	0.0
<b>Pembuatan</b>	48.7	50.9	0.3
<b>Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara</b>	39.6	60.0	0.4
<b>Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihian</b>	40.2	59.4	0.4
<b>Pembinaan</b>	50.1	49.6	0.3
<b>Perkhidmatan</b>	<b>54.2</b>	<b>45.4</b>	<b>0.4</b>
<b>Perdagangan Borong dan Runcit, pemberian kenderaan bermotor dan motosikal</b>	68.7	30.7	0.6
<b>Pengangkutan dan penyimpanan</b>	62.8	36.7	0.5
<b>Penginapan</b>	69.5	30.5	0.0
<b>Perkhidmatan makanan dan minuman</b>	85.9	13.5	0.6
<b>Maklumat dan Komunikasi</b>	28.0	71.5	0.5
<b>Kewangan dan Insurans/takaful</b>	30.6	68.9	0.5

**Jadual 3: Kesan penularan COVID-19 terhadap industri mengikut penerimaan perubahan pendapatan (samb.)**

<b>Hartanah</b>	55.6	44.3	0.2
<b>Profesional, saintifik dan teknikal</b>	37.4	62.5	0.1
<b>Pentadbiran dan khidmat sokongan</b>	31.9	67.5	0.6
<b>Pendidikan</b>	47.1	52.9	0.0
<b>Kesihatan, kemanusiaan dan kerja sosial</b>	46.8	52.2	1.0
<b>Kesenian, hiburan dan rekreasi</b>	75.3	24.3	0.4
<b>Perkhidmatan lain</b>	63.0	36.7	0.3

## **11. Kesan Penularan COVID-19 terhadap taraf pekerjaan mengikut penerimaan perubahan pendapatan**

- Bekerja sendiri (35.5%) dan majikan (28.3%) menyatakan pendapatan bulanan yang diterima berkurang sehingga pengurangannya melebihi 90 peratus.

**Jadual 4: Kesan penularan COVID-19 terhadap taraf pekerjaan mengikut penerimaan perubahan pendapatan**

Taraf Pekerjaan	Perubahan Pendapatan (%)			
	Bawah 10%	10% hingga 49%	50% hingga 89%	90% dan lebih
<b>Bekerja Sendiri</b>	15.3	18.7	30.5	35.5
<b>Majikan</b>	8.9	25.2	37.6	28.3
<b>Pekerja Government Link Companies (GLC)</b>	17.5	62.7	16.0	3.8
<b>Pekerja Swasta</b>	16.0	51.3	25.2	7.4
<b>Pekerja Syarikat Multinasional (MNC)</b>	19.3	62.5	14.1	4.1

## 12. Kesan penularan COVID-19 terhadap industri dan penerimaan perubahan pendapatan

- Bagi sektor perkhidmatan, pekerja di sub sektor perkhidmatan makanan & minuman, merekodkan 31.9 peratus pengurangan pendapatan yang diperoleh melebihi 90 peratus.
- Bagi sektor pertanian pula, sebanyak 33.3 peratus dari sub sektor penternakan mencatatkan pengurangan pendapatan yang diperoleh melebihi 90 peratus.


**Jadual 5: Kesan penularan COVID-19 terhadap industri mengikut penerimaan pengurangan pendapatan**

Industri	Perubahan Pendapatan (%)			
	Bawah 10%	10% hingga 49%	50% hingga 89%	90% dan lebih
<b>Pertanian</b>	<b>15.3</b>	<b>34.7</b>	<b>27.4</b>	<b>22.6</b>
Pertanian dan perladangan	14.4	35.3	28.8	21.5
Penternakan	12.1	36.4	18.2	33.3
Perhutanan dan pembalakan	33.3	33.3	22.2	11.1
Perikanan	23.5	28.4	23.5	24.7
<b>Industri</b>	<b>14.2</b>	<b>48.1</b>	<b>25.5</b>	<b>12.2</b>
Perlombongan dan pengkuarian	17.5	42.5	12.5	27.5
Pembuatan	13.4	52.0	25.2	9.4
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	12.9	55.7	20.4	11.1
Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	19.4	35.7	34.7	10.2
Pembinaan	15.4	39.3	28.3	17.0
<b>Perkhidmatan</b>	<b>14.1</b>	<b>32.3</b>	<b>29.9</b>	<b>23.7</b>
Perdagangan Borong dan Runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	14.0	32.7	34.0	19.2
Pengangkutan dan penyimpanan	12.0	31.4	29.1	27.4
Penginapan	11.6	43.7	26.4	18.3
Perkhidmatan makanan dan minuman	17.4	21.0	29.7	31.9
Maklumat dan Komunikasi	13.3	46.8	25.9	14.0
Kewangan dan Insurans/ takaful	14.0	44.5	28.5	13.0
Hartanah	9.7	27.5	31.4	31.4
Profesional, saintifik dan teknikal	8.5	46.1	30.3	15.1
Pentadbiran dan khidmat sokongan	13.8	49.6	24.6	12.0
Pendidikan	13.9	33.6	29.9	22.6
Kesihatan, kemanusiaan dan kerja sosial	14.9	35.9	29.5	19.7
Kesenian, hiburan dan rekreasi	11.6	21.6	34.7	32.2
Perkhidmatan lain	14.4	30.9	30.1	24.6


### 13. Perubahan Pola Perbelanjaan Keperluan Harian SEBELUM dan SEMASA Penularan COVID-19

- Secara keseluruhan, didapati perubahan pola perbelanjaan keperluan harian yang signifikan **sebelum dan semasa** Penularan COVID-19.
- Aktiviti membeli bahan mentah untuk dimasak di pasar/pasar raya/kedai runcit menunjukkan pola pembelian **semasa** Penularan COVID-19 mula bergerak kearah kelompok kekerapan kadang-kadang dan jarang-jarang berbanding sebelum penularan COVID-19.
- Berlaku perubahan bagi aktiviti **makan di restoran, makan di restoran makanan segera** dan **menonton wayang di panggung wayang** di mana kelompok pengguna lebih tertumpu kepada tidak melaksanakan aktiviti tersebut semasa penularan. Lain-lain aktiviti menunjukkan pola perbelanjaan mula tertumpu kepada kelompok kekerapan **jarang-jarang** dan **tidak pernah** berbanding sangat kerap dan kerap.


**Rajah 8: Carta radar perbelanjaan mengikut aktiviti utama**




e) Membeli bahan mentah untuk dimasak di pasar/pasar raya/kedai runcit




f) Membeli produk makanan siap dimakan di pasar raya/ kedai runcit/ hypermarket




g) Membeli produk kesihatan di Farmasi




h) Menggunakan perkhidmatan teksi/ perkhidmatan e-hailing



i) Menonton wayang di panggung wayang



j) Membuat pembelian online



k) Membeli produk bukan makanan di pusat membeli belah dan kedai

